

KENYATAAN AKHBAR

OLEH KETUA AUDIT NEGARA

BERKENAAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI AKTIVITI KERAJAAN PERSEKUTUAN, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI TAHUN 2014 SIRI 2

1. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri Tahun 2014 dibentangkan secara bersiri sebanyak 3 kali.
2. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri Tahun 2014 Siri 2 akan dibentangkan di Dewan Rakyat pada 15 Jun 2015 (Isnin) selepas mendapat perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada hari yang sama, Jabatan Audit Negara akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di Dewan Rakyat.
3. Laporan Ketua Audit Negara ini mengandungi Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan Di Peringkat Persekutuan dan Negeri. Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan untuk menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti/projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa wujud pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.
4. Sebanyak 57 pengauditan prestasi dan 18 pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang program, pembinaan, penyenggaraan, perolehan, pengurusan hasil, alam sekitar dan pengurusan syarikat.

5. Ketua Jabatan yang berkeenaan telah pun dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkeenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 90 syor (Kerajaan Persekutuan), 56 syor (Badan Berkanun Persekutuan) dan 95 syor (Kerajaan Negeri) untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
6. Kementerian Kewangan Malaysia juga telah mengeluarkan Laporan Maklum Balas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 yang memberikan ulasan/tindakan terkini daripada Ketua Perkhidmatan terhadap isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara.
7. Kandungan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Tahun 2014 Siri 2 serta sinopsisnya boleh dilayari dalam Laman Web Jabatan Audit Negara di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 15 Jun 2015 (selepas jam 10.00 pagi). Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2014 Siri 2 serta Laporan Maklum Balas oleh Kementerian Kewangan Malaysia turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Perbincangan 2, Aras G, Blok A, Bangunan Sementara, Parlimen Malaysia. Laporan-laporan ini hendaklah dibaca bersama untuk mendapatkan kedudukan terkini isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara.

Ketua Audit Negara
Malaysia

15 Jun 2015